

# Rakyat diingot waspada dengan pihak yang ingin rosakkan negara

UM 11 JUL 1990

MASJID TANAH 10 Julai - Perdana Menteri, Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad, hari ini mengingatkan rakyat supaya berwaspada dengan pihak-pihak tertentu yang berwatakan 'Si-Kitol dan Raja Mandeliar' yang ingin merosakkan negara ini.

Menurut beliau, pihak-pihak seperti itu ada pada bila-bila masa dan telah wujud di negara ini.

Beliau mengingatkan rakyat supaya berhati-hati dengan mereka kerana pihak tersebut tidak mendatangkan sebarang manfaat kepada rakyat.

Berucap di majlis gotong royong Kampung Pantai, Kuala Sungai Baharu dekat sini hari ini, Perdana Menteri berkata: "Mereka bersubhat dengan

musuh untuk merosakkan negara sendiri. Rakyat mesti sedar kerana bila dekat pilihanraya mereka akan sampai. Jangan percaya orang semacam itu. Kita harus ingat orang semacam itu tidak mendatangkan manfaat pada rakyat."

Dalam hubungan ini, beliau, membidas pemimpin MTUC, Zainal Rampak, V. David dan Ahmad Nor yang cuba merosakkan negara ini dengan jalan meminta dihapuskan keistimewaan Skim Keutamaan AM (GSP) dari negara ini.

Dalam ucapannya juga, beliau meminta rakyat belajar dari sejarah silam agar segala nasib buruk yang pernah menimpa negara ini tidak berulang lagi.

Dato' Sri Dr. Mahathir juga mahukan rakyat menggunakan sejarah untuk kebaikan sendiri seperti mana yang dilakukan oleh Melaka yang menggunakan bahan sejarah mereka untuk memajukan industri pelancongan.

Perdana Menteri hairan dengan pihak yang mempertikaikan tentang jumlah pelancong yang ramai ke negara ini.

Katanya, terpulanglah pada rakyat untuk merebut peluang itu bagi memajukan diri mereka sendiri.

Perdana Menteri berkata, Barisan Nasional (BN) sentiasa berusaha untuk membangun dan memajukan penghidupan rakyat.

Katanya, kerajaan mahu ne-

gara ini suatu hari setaraf dengan negara-negara Eropah termasuk Jepun dan Amerika Syarikat.

Perdana Menteri membidas sesetengah pihak yang menuduh kononnya BN memancing undi dengan cara mengadakan pelbagai projek rakyat.

Sebaliknya, beliau berkata, itu merupakan tanggungjawab kerajaan dan itulah yang dikehendaki oleh rakyat yang memilih sesuatu kerajaan.

Serentak dengan itu, beliau mencabar pengkritik - pengkritik kerajaan dan parti lawan supaya menunjukkan mana-mana kerajaan di negara membangun dan maju melakukan seperti yang dibuat oleh BN memberikan bantuan kepada rakyat.